



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage



EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

NEWS AND ARTICLES

Bengkel Penulisan Artikel Jurnal Berindeks Scopus

Penulis: Sarah Farhana Zamalik, Ts. Mohd Hafizz Wondi, Hazfina Mohamed Idris, dan Nurain Johar

Unit Latihan dan Pengantarabangsaan, Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi (PPSPA), dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), serta Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menganjurkan Bengkel Penulisan Artikel Jurnal Berindeks Scopus pada 26 dan 27 Julai 2025 bertempat di PTAR UiTM Kampus Mukah.

Penganjuran bengkel ini merupakan inisiatif strategik bagi memperkasakan budaya penulisan serta penerbitan manuskrip berindeks dalam kalangan warga akademik. Antara pengisian utama termasuklah teknik pencarian *literature* melalui *scoping review*, strategi penulisan artikel ilmiah menggunakan teknologi *Scopus AI*, serta kaedah penyediaan manuskrip mengikut piawaian jurnal berindeks seperti *Scopus* dan *Web of Science (WoS)* yang telah disampaikan oleh Ts. Mohd Hafizz Wondi. Di samping itu, sesi praktikal menggunakan perisian SPSS turut dikendalikan oleh Dr. Muhammad Shahimi Arifin. Selain itu, atur cara program turut menampilkan sesi perkongsian oleh PTAR melalui pustakawan, Encik Adi Azri Mohamad.



Peserta yang terdiri daripada pensyarah pelbagai bidang turut didedahkan dengan tatacara penghantaran manuskrip ke penerbit jurnal berindeks, meliputi aspek pemilihan jurnal yang sesuai, pematuhan garis panduan penerbit, serta proses semakan *peer-review*.

Bengkel ini bukan sahaja memberikan pendedahan teknikal yang relevan, malah berperanan sebagai pemangkin kepada penghasilan penerbitan ilmiah yang lebih berkualiti dan berimpak tinggi. Secara tidak langsung, usaha seperti ini menyumbang kepada pencapaian agenda kecemerlangan akademik dan penyelidikan universiti, selaras dengan aspirasi UiTM sebagai universiti terunggul dalam pemerkasaan ilmu dan inovasi.





Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9